



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	27/12/2021 (ISNIN)
JABATAN	:	JPN JOHOR

JPNJ tutup sementara Taman Eko Rimba, Hutan Taman Negeri

27.12.2021 - 19
BH

Johor Bahru: Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) menutup sementara semua Taman Eko Rimba (TER), Hutan Taman Negeri (HTN) dan trek pendakian serta mana-mana Hutan Simpanan Kekal (HSK) di seluruh negeri, bermula hari ini hingga 31 Januari depan.

Pengarahnya, Datuk Salim Aman berkata, semua kawasan terbabit ditutup kepada pengunjung awam bagi sebarang aktiviti ekopelancongan disebabkan musim tengkujuh yang melanda di beberapa negeri termasuk Johor.

"Pihak jabatan juga mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penyebaran wabak COVID-19 serta sebarang kejadian atau kemalangan tidak diingini."

"Orang awam juga dinasihati bersedia sekiranya berlaku fenomena hujan lebat yang mengakibatkan banjir disebabkan faktor cuaca yang tidak menentu pada ketika ini," katanya ketika dihubungi semalam.


Salim berharap agar orang awam terutama yang berhasrat untuk ke kawasan TER atau ma-

na-mana kawasan berhutan, sama ada bagi aktiviti berkelah, beriadah atau rekreasi, memahami keputusan penutupan sementara berkenaan.

"Tindakan ini sebagai langkah keselamatan dan berjaga-jaga bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Keselamatan pengunjung menjadi keutamaan," katanya.

Orang awam juga dinasihati bersedia sekiranya berlaku fenomena hujan lebat yang mengakibatkan banjir disebabkan faktor cuaca yang tidak menentu pada ketika ini

Salim Aman,
Pengarah JPNJ



Taman Eko Rimba Gunung Pulai antara taman yang ditutup sementara.
(Foto hiasan)